

PROFIL MUALAF DALAM KALANGAN PELAJAR UiTM CAWANGAN SABAH DALAM KONTEKS BUDAYA DIGITAL GLOBAL

THE PROFILE OF MUSLIM CONVERTS AMONG STUDENTS AT UiTM SABAH BRANCH IN THE CONTEXT OF GLOBAL DIGITAL CULTURE

Sitti Syamsiar Muharram^{1*}

Nor Alhana Abd Malik²

Majidah Hassan³

Adie' Herryzieyanti Abdul Gair⁴

¹ Fakulti Perakaunan, UiTM Cawangan Sabah, Kampus Kota Kinabalu, Beg Berkunci 71, 88997 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia (E-mail: sitti219@uitm.edu.my)

² Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Sabah, Kampus Kota Kinabalu, Beg Berkunci 71, 88997 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia (E-mail: noral801@uitm.edu.my)

³ Unit Hal Ehwal Islam, UiTM Cawangan Sabah, Kampus Kota Kinabalu, Beg Berkunci 71, 88997 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia (E-mail: majidah@uitm.edu.my)

⁴ Unit Hal Ehwal Islam, UiTM Cawangan Sabah, Kampus Kota Kinabalu, Beg Berkunci 71, 88997 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia (E-mail: adie839@uitm.edu.my)

*Corresponding author: sitti219@uitm.edu.my

Article history

Received date : 25-8-2025

Revised date : 26-8-2025

Accepted date : 27-9-2025

Published date : 16-10-2025

To cite this document:

Muharram, S. S., Abd Malik, N. A., Hassan, M., & Abdul Gair, A. H. (2025). Profil mualaf dalam kalangan pelajar UiTM Cawangan Sabah dalam konteks budaya digital global. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (77), 730 – 740.

Abstrak: Menurut statistik Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), jumlah mualaf yang direkodkan antara tahun 2010 hingga 2018 adalah seramai 90,830 orang, dengan negeri Sabah mencatatkan jumlah mualaf tertinggi iaitu 20,115 orang (22% daripada keseluruhan). Walaupun angka ini besar, maklumat terperinci tentang mualaf khususnya dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi masih terbatas. Kajian ini mengenalpasti profil pelajar mualaf di UiTM Cawangan Sabah dan mencadangkan pembangunan pangkalan data digital. Ini bagi memudahkan pemantauan kebajikan, pendidikan agama, dan bantuan kewangan kepada mereka. Responden terdiri daripada pelajar baharu di Kampus Kota Kinabalu dan Tawau. Pembolehubah dalam kajian profil ini termasuk jantina, peringkat pengajian, daerah, tempoh mualaf, pendapatan keluarga dan lain-lain. Data dianalisis secara deskriptif. Dapatan menunjukkan bilangan pelajar mualaf adalah kecil, namun data ini penting sebagai asas pengurusan dan perancangan sokongan holistik. Kajian ini menekankan potensi integrasi teknologi digital dalam pengurusan data mualaf, selari dengan perkembangan budaya digital global yang menuntut kecekapan, keterhubungan, dan ketelusan dalam penyampaian maklumat.

Kata Kunci: mualaf, UiTM Cawangan Sabah, pangkalan data digital, budaya teknologi digital

Abstract: According to statistics from the Department of Islamic Development Malaysia (JAKIM), a total of 90,830 converts to Islam (mualaf) were recorded between 2010 and 2018, with the state of Sabah registering the highest number at 20,115 individuals (22% of the total). Although this figure is significant, detailed information about converts – especially among students in higher education- remains limited. This study identifies the profile of convert students in UiTM Sabah Branch and proposes the development of a digital database. This is intended to facilitate the monitoring of their welfare, religious education, and financial assistance. Respondents consist of new students at the Kota Kinabalu and Tawau campuses. Variables in this profiling study include gender, level of study, district, duration since conversion, family income, and others. The data is analysed descriptively. Findings show that the number of converted (mualaf) students is small, but this data is crucial as a foundation for holistic support management and planning. The study emphasizes the potential of integrating digital technology in managing conversion data, in line with the global digital culture that demands efficiency, connectivity, and transparency in information delivery.

Keywords: converts, UiTM Sabah Branch, digital database, digital technology culture

Pengenalan

Perkataan ‘mualaf’ berasal daripada perkataan bahasa Arab ‘allafa’, yang bermaksud menjadikan sesuatu angka itu seribu, mengumpulkan sesuatu antara satu dengan yang lain dan mengarang buku (Ibn Manzur, 1996). Manakala, menurut al-Marbawiyy, mualaf bermaksud orang yang baru (memeluk) Islam. Menurut Kamus Dewan, Mualaf bermaksud orang yang baru memeluk agama Islam, saudara baru (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2010). Di Malaysia, pengiktirafan mualaf tertakluk kepada peraturan negeri, termasuk had tempoh pengiktirafan yang berbeza-beza. Di Sabah, had ini adalah antara 5 hingga 7 tahun.

Walaupun terdapat banyak kajian berkaitan mualaf dari perspektif dakwah dan kefahaman agama, kajian berfokuskan profil mualaf di insituti pengajian tinggi, khususnya di Sabah, masih kurang diberi perhatian. Dengan kemajuan teknologi, pengurusan maklumat mualaf berpotensi diperkukuh melalui platform digital. Ini adalah selari dengan perkembangan Islam dan budaya digital global yang telah mengubah cara umat Islam berinteraksi, menyebarkan ilmu, dan membentuk jaringan sosial tanpa sempadan.

Oleh itu, kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti pelajar mualaf dalam kalangan pelajar UiTM Cawangan Sabah, iaitu salah sebuah institusi pengajian tinggi awam di negeri ini. Kajian ini seterusnya mencadangkan untuk mewujudkan pangkalan data digital sebagai inovasi dalam pengurusan maklumat golongan mualaf dalam kalangan pelajar, seiring dengan perkembangan budaya digital global yang mengubah cara umat Islam berhubung, belajar dan mengurus identiti keagamaan. Memandangkan jumlah mualaf yang diperolehi adalah kecil, kajian ini dilihat sebagai kajian rintis yang boleh menjadi asas kepada kajian lebih besar pada masa hadapan.

Analisa Literatur

Menurut statistik keluaran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), jumlah mualaf yang direkodkan dari tahun 2010 sehingga 2018 adalah seramai 90,830 dan negeri Sabah mencatatkan jumlah tertinggi iaitu seramai 20,115 orang dan mewakili 22 peratus daripada jumlah keseluruhan. Rasinah (2012) dalam tesis beliau telah mengelaskan golongan mualaf berdasarkan tempoh memeluk agama Islam; di mana bagi yang telah memeluk Islam di antara

1 hingga 5 tahun dikategorikan sebagai tempoh belajar, di antara 6 hingga 10 tahun (tempoh penyesuaian) dan yang ketiga adalah di antara 11 tahun dan ke atas (tempoh matang). Kajian oleh Ismail dan Ali (2023) menggariskan definisi mualaf mengikut penelitian daripada laman sesawang Majlis Agama Islam negeri-negeri di mana, bagi negeri Sabah, golongan mualaf adalah daripada golongan yang baru memeluk Islam. Di samping itu, Ismail dan Ali (2023) juga meneliti had tempoh mualaf di setiap negeri adalah berbeza seperti ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Had Tempoh Pengukuran Mualaf di Malaysia

Bil	Negeri	Jumlah Panggilan Mualaf
1	Kedah, Negeri Sembilan, Perak, Pulau Pinang, Perlis, Wilayah Persekutuan, Kelantan, Johor dan Sarawak	Tiada penetapan
2	Terengganu	3 tahun
3	Selangor, Melaka, Majlis Fatwa Kebangsaan	5 tahun
4	Pahang	7 tahun
5	Sabah	5 – 7 tahun

Sumber: Ismail dan Ali (2023)

Kajian yang lepas berkaitan pengalaman mualaf banyak memberikan fokus kepada aspek penerimaan sosial, kefahaman agama dan cabaran identiti (Ahmad, 2018; Abdullah, 2020). Walau bagaimanapun, terdapat kekurangan kajian yang menggabungkan perspektif digitalisasi dalam pengurusan komuniti mualaf. Penyelesaian digital semakin digunakan untuk mengurus komuniti rentan atau golongan yang berisiko, seperti pangkalan data pelarian dan aplikasi komuniti masjid (Rahman & Omar, 2022). Oleh itu, kajian ini memberikan tumpuan kepada pelajar mualaf di UiTM Cawangan Sabah, serta cadangan pembangunan pangkalan data digital sebagai sayu inovasi dalam pengurusan pendidikan dan kebajikan para mualaf.

Kajian ini adalah merujuk kepada Teori Modal Sosial atau '*Social Capital Theory*' yang diketengahkan oleh Putnam (2000). Teori ini menekankan kepentingan jaringan sosial dan kepercayaan dalam mengukuhkan kerjasama antara individu dan komuniti. Dalam konteks pelajar mualaf ini, modal sosial ini merujuk kepada hubungan mereka dengan pelbagai pihak termasuk keluarga, komuniti luar, pihak universiti, NGO dan agensi kerajaan yang dapat membantu mereka dalam konteks kebajikan, bimbingan agama, serta sokongan akademik.

Penggunaan teknologi digital membuka peluang baharu untuk memperkukuh modal sosial ini. Pangkalan data digital yang dicadangkan dalam kajian ini boleh berfungsi sebagai hab digital yang menghubungkan pelajar mualaf dengan pelbagai sumber sokongan. Sebagai contoh, pelajar mualaf ini boleh dihubungkan dengan mentor, program bimbingan dan nasihat, atau bantuan kebajikan melalui pangkalan data yang bersepadu, di samping dapat menghubungkan pelajar mualaf yang berkenaan dengan sumber pembelajaran Islam di seluruh dunia, memudahkan akses kepada bantuan kewangan dan kebajikan, dan meningkatkan keterlibatan sosial melalui media digital. Hal ini selari dengan pendapat Putnam (2000) bahawa modal sosial yang bermakna akan dapat memudahkan akses kepada sumber, meningkatkan rasa kebersamaan dan memperkukuh integrasi sosial.

Persoalan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti profil dan latar belakang pelajar mualaf di kalangan pelajar UiTM Cawangan Sabah. Oleh yang demikian, persoalan kajian yang utama yang akan dikaji adalah: **Apakah profil pelajar mualaf di kalangan pelajar UiTM Cawangan Sabah?**

Profil ini merangkumi latar belakang (bangsa, program, kampus) dan tempoh mereka telah menjadi mualaf; adakah mereka mualaf disebabkan ibubapa, salah seorang atau kedua-duanya. Di samping itu juga, kajian ini juga ingin mengenalpasti faktor-faktor memeluk Islam dan bentuk-bentuk bantuan yang diperlukan oleh pelajar mualaf di UiTM Cawangan Sabah.

Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti profil dan latar belakang pelajar mualaf di kalangan pelajar UiTM Cawangan Sabah. Secara khususnya, objektif kajian ini adalah seperti berikut:

1. Mengetahui profil dan latar belakang pelajar mualaf di UiTM Cawangan Sabah,
2. Menganalisis faktor memeluk Islam,
3. Mengetahui bentuk bantuan yang diperlukan,
4. Mencadangkan integrasi pangkalan data digital dalam pengurusan komuniti mualaf.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk tinjauan dengan pendekatan kuantitatif. Kajian ini menggunakan pendekatan pensampelan menyeluruh kerana instrumen kajian diedarkan kepada semua pelajar baharu yang mengikuti Minggu Destini Siswa di UiTM Cawangan Sabah, di kedua-dua kampus, Kota Kinabalu dan Tawau bagi sesi Oktober 2023 – Februari 2024. Pensampelan menyeluruh sesuai digunakan apabila populasi kajian dapat diakses sepenuhnya, di samping para penyelidik ingin mendapatkan gambaran keseluruhan tanpa pengecualian (Creswell, 2014). Kaedah ini juga selaras dengan Saunders, Lewis dan Thornhill (2019) yang berpandangan bahawa pensampelan menyeluruh sesuai digunakan apabila populasi mudah diakses, serta penyelidik ingin mengelakkan berat sebelah atau '*bias*' dalam pemilihan sampel.

Kajian ini tidak memperolehi kelulusan rasmi daripada Jawatankuasa Etika Penyelidikan kerana ia dilaksanakan secara rintis (*pilot study*) yang menggunakan soal selidik umum dan tidak melibatkan data peribadi sensitif. Namun begitu, prinsip etika penyelidikan tetap dipatuhi, di mana para pelajar telah dimaklumkan mengenai tujuan dan objektif kajian, di samping penyertaan adalah secara sukarela. Semua data yang dikumpulkan adalah secara tanpa nama (*anonymous*). Ini bermakna, kerahsiaan responden serta integriti penyelidikan adalah terjamin (Israel & Hay, 2006).

Soal selidik digital diedarkan melalui kod QR dan diisi menggunakan '*Google Form*'. Bentuk soal selidik adalah dalam bentuk soalan tertutup (berkaitan demografi) dan Skala Likert 1 (Sangat Tidak Setuju) hingga 5 (Sangat Setuju) bagi soalan berbentuk terbuka.

Seramai 782 responden telah memberikan maklumbalas. Analisis data dilakukan dengan menggunakan perisian '*Statistical Package for the Social Science*' (SPSS) Versi 29.0, menggunakan analisis deskriptif, frekuensi, dan '*cross-tabulation*' untuk mengenal pasti profil dan faktor berkaitan. Pemboleh ubah yang dikaji termasuk jantina, suku kaum, agama asal, program pengajian, kampus, pendapatan keluarga, tempoh memeluk Islam, faktor memeluk Islam, dan bentuk bantuan yang diperlukan.

Dapatan Kajian

Kesemua pelajar telah memberikan respon mereka pada tempoh yang ditetapkan dengan jumlah responden keseluruhan adalah seramai 782 orang dengan 486 orang (62.1%) orang daripadanya adalah pelajar perempuan, manakala selebihnya iaitu 296 orang (37.9%) adalah pelajar lelaki. Analisis seterusnya merupakan demografi responden dan profil pelajar mualaf.

Demografi Responden

Jadual 2 menunjukkan demografi responden atau pelajar yang telah menjawab soalan yang berkenaan. Secara ringkas, 635 (81.2%) responden adalah daripada pelajar di Kampus Kota Kinabalu, dengan majoriti iaitu seramai 731 orang (93.5%) adalah pelajar daripada Sabah, diikuti Wilayah Persekutuan seramai 27 orang (3.5%), 13 orang (1.7%) adalah daripada Sarawak, 4 orang (0.5%) daripada Selangor, 2 orang (0.3%) daripada Johor, dan masing-masing 1 daripada Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Pulau Pinang dan Terengganu.

Jadual 2: Demografi Responden

		Frekuensi	Peratus	Peratus Kumulatif
Jantina	Lelaki	296	37.9	37.9
	Perempuan	486	62.1	100.0
Kampus	Kota Kinabalu	635	81.2	81.2
	Tawau	147	18.8	100.0
Negeri	Sabah	731	93.5	93.5
	Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur /Labuan	27	3.5	96.9
	Sarawak	13	1.7	98.6
	Selangor	4	.5	99.1
	Johor	2	.3	99.4
	Negeri Sembilan	1	.1	99.5
	Pahang	1	.1	99.6
	Perak	1	.1	99.7
	Pulau Pinang	1	.1	99.9
	Terengganu	1	.1	100.0

Seterusnya, daripada suku bangsa, majoriti responden adalah berbangsa Bajau (185 orang, 23.7%), diikuti Bugis (105 orang, 13.4%) dan Melayu seramai 104 orang (13.3%). Taburan lengkap kepelbagaian bangsa di UiTM Cawangan Sabah ditunjukkan di dalam Jadual 3.

Jadual 3: Demografi Responden (Bangsa)

Bangsa	Frekuensi	Peratus	Peratus Kumulatif
Bajau	185	23.7	23.7
Bugis	105	13.4	37.1
Melayu	104	13.3	50.4
Melayu-Brunei	74	9.5	59.8
Lain-Lain	61	7.8	67.6
Dusun	53	6.8	74.4
Kadazandusun	43	5.5	79.9
Orang Sungei	28	3.6	83.5
Bisaya	25	3.2	86.7
Tidung	21	2.7	89.4
Suluk	20	2.6	91.9
Kedayan	14	1.8	93.7
Iranun	13	1.7	95.4
Ida'an	11	1.4	96.8

Kokos	7	.9	97.7
Murut	6	.8	98.5
Sino	6	.8	99.2
Iban	4	.5	99.7
Rungus	2	.3	100.0

Daripada latar belakang pendapatan pula, Jadual 4 menunjukkan majoriti pelajar adalah daripada kalangan yang berpendapatan di antara RM1,000 – RM3,000 iaitu seramai 263 orang (33.6%), diikuti oleh RM5,000 dan ke atas, seramai 257 orang (32.9%) dan bagi yang berpendapatan RM3,001 – RM5,000 adalah seramai 150 orang (19.2%). Selebihnya pula, iaitu seramai 112 orang (14.3%) adalah daripada berpendapatan di bawah RM1,000.

Jadual 4: Demografi Responden (Pendapatan Keluarga)

Pendapatan Keluarga	Frekuensi	Peratus	Peratus Kumulatif
Bawah RM1,000	112	14.3	14.3
RM1,001 - RM3,000	263	33.6	45.9
RM3,001 - RM5,000	150	19.2	65.1
Atas RM5,000	257	32.9	100.0

Bagi latar belakang program pengajian, majoriti pelajar adalah daripada Pra-Diploma Perdagangan (BA002/003) iaitu seramai 140 orang (17.9%), diikuti oleh Diploma Pentadbiran Awam (AM110) seramai 96 orang (12.3%) dan seterusnya Diploma Perakaunan (AC110) seramai 69 (8.8%). Pelajar Pra-Diploma Perdagangan ini merupakan pelajar yang berada di Kampus Tawau. Taburan lengkap responden mengikut program pengajian adalah ditunjukkan di Jadual 5.

Jadual 5: Demografi Responden (Program Pengajian)

Program Pengajian	Frekuensi	Peratus	Peratus Kumulatif
Pra-Diploma Perdagangan (BA002/BA003)	140	17.9	17.9
Diploma Pentadbiran Awam (AM110)	96	12.3	30.2
Diploma Perakaunan (AC110)	69	8.8	39.0
Diploma Sains (AS120)	60	7.7	46.7
Diploma Pengajian Perniagaan (BA111)	52	6.6	53.3
Pra-Diploma Agroteknologi (AT001/AT002)	49	6.3	59.6
Diploma Pengajian Perbankan (BA119)	43	5.5	65.1
Diploma Sains Komputer (CDCS110)	39	5.0	70.1
Diploma Pengurusan Ladang (AT110)	34	4.3	74.4
Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan - Kewangan (BA242)	33	4.2	78.6
Diploma Pengajian Perniagaan -Pengangkutan (BA117)	30	3.8	82.5
Sarjana Muda Sains Pentadbiran (AM228)	22	2.8	85.3
Diploma Pengurusan Pelancongan (HM111)	21	2.7	88.0
Diploma Keusahawanan Tani (AT113)	20	2.6	90.5
Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan - Pemasaran (BA250)	19	2.4	93.0
Sarjana Muda Sains Pengurusan Pelancongan (HM241)	18	2.3	95.3

Diploma Pengurusan Hotel (HM110)	13	1.7	96.9
Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan - Ekonomi (BA240)	10	1.3	98.2
Sarjana Muda Sains - Biologi (AS201)	8	1.0	99.2
Pra-Diploma Sains (AS007/AS008)	6	0.8	100.0

Latar Belakang Pelajar Mualaf

Seterusnya, bagi objektif kajian yang pertama, kajian ini mendapati terdapat 4 orang pelajar daripada 782 orang pelajar yang berkenaan merupakan pelajar mualaf. 3 orang daripadanya merupakan pelajar perempuan, manakala seorang lagi merupakan pelajar lelaki. Agama asal mereka merupakan agama Kristian (3 orang, 75%), manakala 1 orang (25%) adalah daripada agama "Lain-lain".

Bagi profil mengikut bangsa pula, didapati dua orang pelajar berbangsa Kadazan Dusun, 1 orang pelajar berbangsa Melayu, manakala satu orang lagi berbangsa 'Lain-lain'. Tiga orang daripada pelajar mualaf tersebut merupakan daripada Kota Kinabalu, manakala yang seorang lagi adalah daripada negeri Sarawak. Di samping itu, tiga orang daripada pelajar mualaf ini mempunyai kedua-dua ibubapa yang mualaf, manakala seorang lagi, hanya ibunta sahaja yang merupakan mualaf.

Melihat kepada program pengajian pula, dapatan menunjukkan mereka terdiri daripada masing-masing satu (1) orang daripada Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan - Ekonomi (BA240), Diploma Pengajian Perniagaan (BA111), Diploma Pengurusan Pelancongan (HM111) dan Pra-Diploma Perdagangan (BA002/BA003). Kesemua empat (4) orang responden telah memeluk Islam untuk tempoh lebih 8 tahun.

Bagi pendapatan keluarga pula, dua (2) orang daripada mereka adalah daripada yang berpendapatan lebih RM5,000 manakala 2 orang pula berpendapatan kurang daripada RM5,000. Latar belakang terperinci pelajar mualaf di UiTM Cawangan Sabah ditunjukkan pada Jadual 6 yang berikut:

Jadual 6: Profil Pelajar Mualaf di UiTM Cawangan Sabah (Sesi Oktober 2023 – Februari 2024)

Latar Belakang		Frekuensi	Peratus	Peratus Kumulatif
Agama Asal	Kristian	3	75.0	75.0
	Lain-lain	1	25.0	100.0
Jantina	Perempuan	3	75.0	75.0
	Lelaki	1	25.0	100.0
Bangsa	Kadazan Dusun	2	50.0	50.0
	Melayu	1	25.0	75.0
	Lain-lain	1	25.0	100.0
Daerah	Kota Kinabalu	3	75.0	75.0
	Lain-lain	1	25.0	100.0
Negeri	Sabah	3	75.0	75.0
	Sarawak	1	25.0	100.0
Kampus	Kota Kinabalu	3	75.0	75.0
	Tawau	1	25.0	100.0
Program	Diploma Pengajian Perniagaan (BA111)	1	25.0	25.0
	Diploma Pengurusan Pelancongan (HM111)	1	25.0	50.0
	Pra-Diploma Perdagangan (BA002/BA003)	1	25.0	75.0

Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan - Ekonomi (BA240)	1	25.0	100.0
Adakah Ibu Ibu bapa	3	75.0	75.0
Bapa/Penjaga Ibu Sahaja seorang mualaf	1	25.0	100.0
Tempoh Lebih 8 tahun	4	100.0	100.
Peluk Islam			
Pendapatan RM1,001 - RM3,000	1	25.0	25.0
Keluarga RM1,001 - RM3,000	1	25.0	50.0
Atas RM5,000	2	50.0	100.0

Faktor Memeluk Islam

Bagi objektif kajian yang kedua, soalan berikutnya adalah berkenaan dengan faktor-faktor responden memeluk Islam. Berbanding dengan faktor-faktor yang didedahkan daripada kajian-kajian terdahulu yang mendapati, golongan yang memeluk Islam adalah didorong oleh pencarian spiritual, objektif dan tujuan (Awiskarni, 2023, Korchigana, 2018, Midden, 2022, Haq, 2023), kajian ini bagaimana pun menunjukkan pelajar ini memeluk Islam disebabkan oleh perkahwinan ibubapa. Ini juga dapat dilihat daripada kajian oleh Kamaruddin dan Mokhtar (2024), di mana perkahwinan merupakan salah satu faktor yang mendorong kepada penghijrahan kepada agama Islam di kalangan masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia.

Jadual 7 menunjukkan bahawa faktor utama mereka memeluk Islam adalah disebabkan oleh perkahwinan ibubapa. Imbas kembali salah satu dapatan kajian di mana responden mempunyai ibubapa mualaf adalah seramai 3 orang, manakala 1 orang lagi mempunyai ibu yang merupakan seorang mualaf. Faktor-faktor lain adalah sama ada menunjukkan respon 'Tidak' atau 'Tidak Berkenaan'.

Jadual 7: Faktor Responden Memeluk Islam

Faktor/Frekuensi Maklumbalas	Ya	Tidak	Tidak Berkenaan	Jumlah
Perkahwinan Ibubapa	3	0	1	4
Perkahwinan Diri Sendiri	0	1	3	4
Ikut Keluarga	0	1	3	4
Mudah Mendapat Bantuan Kewangan	0	1	3	4
Hasil Kajian Mengenai Islam	0	1	3	4
Mencari Ketenangan Dalam Diri	0	1	3	4

Bentuk Bantuan Diperlukan

Seterusnya, bagi objektif kajian yang ketiga, berkisar tentang bentuk bantuan yang diperlukan oleh pelajar mualaf. Jadual 8 menunjukkan maklumbalas yang diterima. Hanya 1 orang yang memerlukan bantuan berbentuk nasihat dan 'lain-lain', manakala selebihnya memberikan maklumbalas 'Tidak Setuju' atau 'Sangat Tidak Setuju' bagi persoalan yang dikemukakan. Dengan kata lain, mereka tidak memerlukan bantuan yang disenaraikan.

Jadual 8: Bentuk-bentuk Bantuan Yang Diperlukan

Bentuk Bantuan/Frekuensi Maklumbalas	Sangat Setuju	Setuju	Tidak Setuju	Sangat Tidak Setuju	Tidak Berkenaan	Jumlah
Buku dan Kitab Agama	0	0	3	1	0	4
Khidmat Nasihat	0	1	2	1	0	4
Kewangan	0	0	3	1	0	4
Lain-lain	0	1	3	0	0	4

Dapatan ini menunjukkan, pelajar mualaf mampu berdikari tanpa sokongan material, sementara ada pula yang memerlukan bimbingan atau nasihat.

Integrasi Budaya Digital Global

Budaya digital telah mengubah lanskap kehidupan umat Islam di seluruh dunia. Bagi komuniti mualaf, platform digital boleh menjadi penghubung antara mereka dengan sumber pendidikan, bimbingan rohani, dan sokongan sosial. Dengan adanya platform digital yang bersepadu, pihak universiti dapat mengenal pasti mualaf yang benar-benar memerlukan bantuan, bentuk bantuan yang sesuai, di samping memantau perkembangan mereka secara berterusan. Pendekatan ini selaras dengan Rogers (2023) yang menekankan tentang penerimaan inovasi bergantung kepada kelebihan relatif, keserasian, dan keberkesanan berbanding amalan sedia ada yang mengamalkan pengurusan manual dengan lebih cekap, selamat dan bersifat inklusif.

Cadangan integrasi pangkalan data mualaf UiTM Cawangan Sabah ke dalam ekosistem digital termasuk:

1. Portal berpusat
2. Aplikasi mudah alih
3. Integrasi media sosial
4. Keselamatan data yang mantap

Perbincangan

Walaupun jumlah pelajar mualaf di UiTM Cawangan Sabah adalah kecil, namun masih memerlukan perhatian yang khusus. Faktor perkahwinan ibubapa sebagai punca memeluk Islam sejajar dengan dapatan Rasinah (2012). Ketiadaan keperluan bantuan kewangan menunjukkan mualaf di sini mungkin berada dalam sosioekonomi yang lebih stabil. Namun, keperluan bimbingan rohani dan integrasi sosial tetap relevan. Dari perspektif teori modal sosial, keperluan mualaf bukan sekadar material, tetapi juga jaringan sosial dan bimbingan yang dapat membantu mereka menyesuaikan diri dalam komuniti Muslim.

Penggunaan pangkalan data digital mempermudah pemantauan dan meminimumkan risiko keciciran sokongan. Kajian lepas oleh Azman et. al (2015) menunjukkan bahawa tanpa sistem yang tersusun, data mualaf sukar diakses oleh pihak berkepentingan. Kajian ini juga menegaskan bahawa saiz sampel yang kecil tidak menjejaskan dapatan, sebaliknya mengukuhkan justifikasi bahawa data mualaf perlu diuruskan dengan sistematik. Hal ini menyokong objektif keempat kajian, iaitu cadangan integrasi pangkalan data digital mualaf yang dapat menyediakan modul bimbingan rohani berasaskan platform digital, menggalakkan kolaborasi bersama NGO Islam dan badan-badan kebajikan, dan seterusnya menjalankan kajian lanjutan di seluruh Malaysia.

Batasan Kajian dan Cadangan Kajian Akan Datang

Kajian ini mempunyai beberapa batasan yang perlu diberi perhatian. Yang pertama ialah, saiz sampel pelajar mualaf yang diperolehi adalah sangat kecil, iaitu hanya empat orang daripada keseluruhan responden seramai 782 orang. Walau bagaimanapun, bilangan ini bukanlah berpunca daripada reka bentuk kajian, tetapi memberikan jumlah pelajar mualaf sebenar bagi kohort pelajar baharu di UiTM Cawangan Sabah pada sesi Oktober 2023 – Februari 2024. Sehubungan dengan itu, analisis yang dijalankan adalah berbentuk deskriptif dan tidak sesuai untuk membuat pendapat umum atau kesimpulan yang lebih luas. Namun, dapatan yang diperolehi tetap signifikan sebagai data asas untuk memahami profil mualaf dalam konteks institusi pendidikan tinggi (IPT).

Kedua, penggunaan kaedah tinjauan menggunakan borang soal selidik mungkin menghadkan pengumpulan data dan maklumat kualitatif yang lebih mendalam tentang pengalaman mualaf. Justeru, kajian lanjutan akan datang dicadangkan untuk menggunakan pendekatan '*mixed-method*' dengan menggabungkan temubual bagi mendapatkan gambaran yang lebih menyeluruh.

Kedua-dua kekangan yang dinyatakan di atas walau bagaimanapun, tidak menjejaskan nilai kajian, sebaliknya membuka ruang bagi penyelidikan akan datang agar melibatkan sampel yang lebih luas dan besar sebagai contoh beberapa kohort pelajar atau merangkumi IPT lain di Sabah dan Malaysia.

Penutup

Kajian ini memberikan gambaran awal tentang profil pelajar mualaf di UiTM Cawangan Sabah. Walaupun jumlahnya adalah kecil, dapatan kajian ini penting sebagai data asas untuk memahami realiti mualaf di IPT dan ini adalah penting bagi memastikan sokongan yang berterusan. Oleh yang demikian, ia turut menyokong akan keperluan pendekatan digital dalam pengurusan kebajikan pelajar mualaf, di samping mengemukakan cadangan pembangunan pangkalan data digital mualaf, yang boleh diperluas ke IPT lain. Kajian ini juga diharap akan dapat membuka ruang kepada penyelidikan yang lebih besar, dan lebih bersepadu dalam menyokong komuniti mualaf di Malaysia.

Penghargaan

Ucapan penghargaan kepada para pelajarambilan Oktober 2023 – Februari 2024 yang telah memberikan maklumbalas bagi kaji selidik ini. Ucapan terima kasih juga kepada pengulas atau '*reviewer*' bagi kertas kerja ini di Seminar Penyelidikan Pengajian Islam 2025 atas maklum balas yang bernas dan membina. Sumbangan tersebut amat membantu kami dalam memperbaiki kertas kerja ini.

Rujukan

- Abdullah, F. (2020). Peranan Sokongan Sosial dalam Kehidupan Mualaf di Malaysia. *Jurnal Dakwah*, 34(2)
- Ahmad, R. (2018). Cabaran Identiti dalam Kalangan Mualaf di Sabah. *Jurnal Pengajian Islam*, 22 (1), 77 – 92.
- Awiskarni, A., Harmonedi, H., Zalnur, M., & Basit, A. (2024). *Acculturation of Religious Rituals for Chinese Muslim Minorities in West Sumatra. International Journal of Nusantara Islam*. doi.org/10.15575/ijni.v12i1.33779.
- Azman, A. R., Irwan, M. S., Mahazan, A. M., Azdi, W. M. F., Shah, N. R., Rose Irnawaty, I., & Ismail, N. (2015). Indeks Pengukuran Penentuan Had Tempoh Mualaf di Malaysia. *Journal of Fatwa Management and Research*.
- Campbell, H. A., & Tsuria, R. (2021). *Digital Religion: Understanding Religious Practice in Digital Media*. Routledge.
- Creswell, J. W. (2014). *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Method Approaches* (4th ed.). Thousand Oaks, CA: Sage.
- Haq, M., Damarhadi, S., Arsoniadi, A., Prabawanti, C., & Rosmiani, R. (2023). *Depend on God: The Overview of Spirituality in Mualaf. Jurnal Ilmiah Psikomuda (JIPM) Connectedness*, 3(1), 60-70. doi.org/10.36232/jipmconnectedness.v3i1.4414
- Ibn Manzur, Muhammad bin Makran Ibn Manzur al-Afriqi al-Misri. (t.th). *Lisan al- 'Arab*, Beirut: Dar al-Bayrut.
- Ismail, M.N. & Ali N.A (2023), Konsep Asnaf Mualaf Dan Had Pengukuran Mualaf, *Al-Basirah Volume 13, No 1, pp. 25-41*
- Kamaruddin, A., & Mokhtar, A. (2024). *A Review of Factors Influencing Conversion to Islam Among Orang Asli in Malaysia. Ulum Islamiyyah*. doi.org/10.33102/uij.vol36no02.613.
- Korchagina, A. (2018). *Conversion to Islam: Its Motives and Consequences Through the Looking Glass of Social and Psychological Research. Minbar. Islamic Studies*. doi.org/10.31162/2618-9569-2018-11-2-375-385.
- Midden, E. (2022). *Becoming Muslim: Converting Old and New Practices Through 'Turning Away'. European Journal of Women's Studies*, 30, 318-330. doi.org/10.1177/13505068221088165.
- Putnam, R. D. (2000). *Bowling Alone: The Collapse and Revival of American Community*. Simon & Schuster. <https://psycnet.apa.org/doi/10.1145/358916.361990>
- Rahman, N. A. & Omar, H. (2022). Penggunaan Sistem Digital dalam Pengurusan Zakat di Malaysia. *Jurnal Ekonomi Islam*, 14(2), 88 – 103.
- Rasinah, H. A. (2012). *Penerimaan dan Kefahaman Tentang Islam dalam Kalangan Masyarakat Dusun dan Murut di Brunei Darussalam*. (Unpublished doctoral dissertation). Universiti Malaya
- Rogers, E. M. (2003). *Diffusion of Innovations* (5th ed.). Free Press
- Saunders, M.N.K., Lewis, P., and Thornhill, A. (2019). *Research Methods for Business Students*. (6th Ed.) Pearson Education.